

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

06 JANUARI 2019

AHAD



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	DENDANGAN ENJIN PESAWAT	2
BERITA HARIAN	PESAWAT MASIH MASUK KAWASAN LARANGAN	3



HARIAN METRO

12 setempat

06-01-2019

"Satu daripada kebimbangan penduduk juga pencemaran bunyi kuat jika pesawat ini kerap terbang rendah selain bimbang pesawat yang terhempas dalam kawasan pusat bandar atau perumahan

Muhammad Ali Kasimti



METRO AHAD

ISU ILS DI SEMPADAN

METRO 6/1/2019

DENDANGAN ENIN PESAWAT



LAPORAN Harian Metro, semalam

Bincang nota bantahan ILS Selasa

Kemantan: Malaysia tidak akan mengeluarkan nota bantahan kepada Singapura susulan dakwaan berlaku pencerobohan ruang udara oleh pesawat penerbangan di Pasir Gudang, Johor sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar seperti dilaporkan akhbar. Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, pihaknya sudah menghantar banyak nota bantahan berhubung isu berkenaan sebelum ini dan perkara itu juga akan dibincangkan dalam pertemuan di antaranya dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Dr Vivian Balakrishnan, Selasa depan.

Katanya, perbincangan antara wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan Singapura berhubung isu penyiaran tataraca Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) sudah dijalankan dan akan disertai perbincangan pada Isnin ini, sebelum beliau beremu ketakrifan pada kesesakan harinya.

"Cadangan kita adalah supaya Singapura tidak mencetuskan dasar melaksanakan ILS yang menyebabkan kapal terbang hendak mendarat di Lapangan Terbang Seletar menggunakan ruang udara Pasir Gudang... ini kerana mereka ada pilihan lain (menggunakan ruang udara Singapura).

"Isu pendaratan di Seletar ini mesli disesalkan yang turut bertindih dengan pengurusan ruang udara yang dimeterai pada 1974, isu lain akan dibincangkan termasuk garisan perjanjian Pelabahan Johor Bahru serta perjanjian air," katanya selepas melawat Pusat Dialisis di kedai kedai Jalan Legama Islam dan Asia Besam Melayu Bahang, (M11P) di sini, Semalam.

Semalam, Harian Metro melaporkan beberapa pesawat ringan dan kapal terbang dilihat berlegar di ruang udara Malaysia sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar susulan pengangkutan tataraca ILS.

Lapangan terbang itu yang digunakan untuk pesawat kargo dan pesawat pendaratan terletak betul-betul di tepi Selat Johor menghadap Pelabahan Johor, Johor Bahru.



SAIFUDDIN



Mohd Fahmi Mohd Yusof mohdfahmi@nsp.com.my

Pasir Gudang

Sebuah pesawat pendaratan dilihat terbang dalam kawasan larangan kekal ruang udara Pasir Gudang yang dikuasai Malaysia pada Rabu lalu, dari Lapangan Terbang Seletar, Singapura menuju ke utara.

Penerbangan pesawat jenis Dassault Falcon 50 yang berlepas kira-kira jam 2.20 petang semalam dari lapangan terbang berkenaan di kawasan menerusi hasil ujian dalam laman sesawang Flight Radar 24.

Pesawat tersebut berlepas dari landasan Lapangan Terbang Seletar sebelum membuat pusingan di perizinan republik itu dan terbang dalam lingkungan 2,377 meter hingga 3,048 meter melepasi kawasan larangan kekal ruang udara berhampiran Pasir Gudang.

Malah, berdasarkan tinjauan pada laman sesawang itu juga sebuah lagi pesawat dari lapangan terbang sama berlepas kira-kira jam 1.50 petang hari menghampiri kawasan larangan kekal ruang udara pada ketinggian 1,828 meter.

Sementara itu penduduk, Nor Shafiq Salleh, 29, berkata, dia sendiri belum pernah berkesempatan menyaksikan pesawat terbang rendah dalam kawasan pusat bandar namun beberapa kali pernah mendengar cerita daripada rakan mengenai perkara berkenaan.

"Baru-baru ini, saya mendengar cerita daripada kawan mengenai ada pesawat terbang sangat rendah kira-kira lima hingga 10 minit di pusat bandar Pasir Gudang sehingga boleh dengar jelas bunyi enjin pesawat berkenaan.

"Sebagai penduduk, bagi saya semestinya ada rasa bimbang apabila lagi apabila

pesawat terbang rendah terutama jika berlaku kecuaian yang tidak dapat dielakkan," katanya.

Pekerja swasta, Muhammad Ali Kasimti, 30, berkata, penguatkuasaan tataraca Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar boleh menjayakan pembangunan dan perindustrian di Pasir Gudang secara tidak langsung.

"Jarak lapangan terbang ini dengan Pasir Gudang terutama Pelabahan Johor amat dekat dan signol yang digunakan mungkin lebih tinggi dan boleh menyebabkan pembangunan di sini terbanat.

"Satu daripada kebimbangan penduduk juga pencemaran bunyi yang kuat jika pesawat ini kerap terbang rendah selain bimbang pesawat yang terhempas dalam kawasan pusat bandar atau perumahan," katanya.

Bagaimanapun, media kelnarmin melaporkan beberapa pesawat ringan dan kapal terbang dilihat berlegar di ruang udara Malaysia sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar susulan pengangkutan tataraca ILS.

Malaysia mengesyorkan penguatkuasaan larangan kekal di ruang udara Pasir Gudang menerusi Nota Kepada Juruterbang (NO-

TAM) pada 25 Disember lalu yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Menerusi notis itu, Malaysia memaklumkan kepada pihak berkaitan penerbangan mengenai penguatkuasaan kawasan larangan kekal untuk tujuan keselamatan kementerian meliputi ruang udara Pasir Gudang.

Bagaimanapun, media kelnarmin melaporkan beberapa pesawat ringan dan kapal terbang dilihat berlegar di ruang udara Malaysia sebelum mendarat di Lapangan Terbang Seletar susulan pengangkutan tataraca ILS.

Dalam satu notis dikeluarkan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) pada 1 Disember lalu, prosedur pelaksanaan ILS bagi landasan 21 di Lapangan Terbang Seletar berkaitan kekal untuk tujuan keselamatan kementerian meliputi ruang udara Pasir Gudang merentasi Selat Johor dan kebanyakan yang beroperasi di situ pesawat ringan, pesawat peribadi, kargo dan tambang murah.

Awal bulan lalu, Malaysia mahu Singapura menarik balik rancangan melaksanakan ILS atau mengubah lautan penerbangan ke Lapangan Terbang Seletar di republik itu.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, ini kerana laluan penerbangan untuk sistem itu akan memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang susulan sekatan kegunaan struktur di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, Pelabahan Johor di Pasir Gudang juga akan berada dalam keadaan berisiko tinggi selain menghadapi pelbagai sekatan susulan pelaksanaan sistem pendaratan itu.

FAKTA
Lapangan Terbang Seletar berjarak 10 kilometer dari Pasir Gudang merentasi Selat Johor



BERITA HARIAN

Pesawat masih masuk kawasan larangan

BERITA HARIAN
6/1/2019

Pasir Gudang: Sebuah pesawat per-
sendirian dilihat terbang dalam ka-
wasan larangan kekal ruang udara
Pasir Gudang yang dikuatkuasakan
Malaysia sejak Rabu lalu sejurus
berlepas dari Lapangan Terbang Se-
letar, Singapura menuju ke utara
semalam.

Penerbangan pesawat jenis Das-
sault Falcon 50 yang berlepas jam
2.20 petang dari lapangan terbang
berkenaan dikesan hasil pemanta-
uan menerusi sesawang Flight Radar
24.

Pesawat itu berlepas daripada lan-
dasan Lapangan Terbang Seletar se-
belum membuat pusingan di pe-
rairan republik itu dan terbang dalam
lingkungan 2,377 meter sehingga
3,048 meter melepasi kawasan la-
rangan kekal ruang udara berhampiran
Pasir Gudang.

Malaysia mengisytiharkan pewu-
judan kawasan larangan kekal di ru-
ang udara Pasir Gudang menerusi
Notis Kepada Juruterbang (NOTAM)
pada 25 Disember lalu yang dike-
luarkan oleh Pihak Berkuasa Pener-
bangan Awam Malaysia (CAAM).

Menerusi notis itu, Malaysia me-
maklumkan kepada pihak berkaitan
penerbangan mengenai pewujudan
kawasan larangan kekal untuk tu-
juan aktiviti ketenteraan meliputi ru-
ang udara Pasir Gudang.

Hampiri kawasan larangan
Berdasarkan tinjauan pada laman
sesawang Flight Radar 24 sejak jam
11 pagi semalam, ada sebuah pe-
sawat dari lapangan terbang sama
berlepas jam 1.50 petang tadi dan
menghampiri kawasan larangan ke-
kal ruang udara pada ketinggian
1,828 meter.

Penduduk, Nor Shafiq Salleh, 29,
berkata secara peribadi beliau belum
mempunyai menyaksikan pesawat

terbang rendah sekitar pusat bandar
itu, namun beberapa rakannya ber-
pengalaman melihat kejadian itu.

“Baru-baru ini, kawan saya melihat
ada pesawat yang terbang rendah
lima hingga 10 minit di ruang udara
pusat bandar Pasir Gudang di sini
sehingga mampu mendengar de-
ngan jelas bunyi enjinnya.

“Sebagai penduduk kami bimbang
apatah lagi apabila pesawat terbang
rendah kerana khawatir kejadian yang
tidak diingini boleh berlaku,” kata-
nya.

Pekerja swasta, Muhammad Alif
Kasmithi, 30, berkata selain bimbang
pencemaran bunyi kerana pesawat
yang kerap terbang rendah, pen-
duduk risau kejadian pesawat terhempas
dalam kawasan pusat bandar
atau perumahan.

Lapangan Terbang Seletar terletak
dua kilometer dari Pasir Gudang me-
rentasi Selat Johor dan kebanyakan



Nor Shafiq Salleh



Muhammad Alif
Kasmithi

yang beroperasi di situ adalah pe-
sawat ringan, milik peribadi, kargo
serta tambang murah.

Tuntut tarik balik

Awal bulan lalu, Malaysia menuntut
Singapura menarik balik rancangan
melaksanakan Sistem Pendaratan
Instrumen (ILS) atau mengubah la-
luhan penerbangan ke Lapangan Ter-
bang Seletar di republik itu.

Menteri Pengangkutan, Anthony
Loke, dilaporkan berkata ini laluan
penerbangan untuk sistem itu akan
memberi impak besar kepada pem-
angunan di Pasir Gudang susulan
sekatan ketinggian struktur di ka-
wasan berkenaan.

Beliau berkata, Pelabuhan Johor di
Pasir Gudang juga akan berada da-
lam keadaan berisiko tinggi selain
menghadapi pelbagai sekatan susul-
an pelaksanaan sistem pendaratan
itu.

